

PROSIDING **SEMINAR** **KEBANGSAAN** **SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang

Dengan Kerjasama



Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur

JILID 1



MEMANTAPKAN PERANAN SAINS SOSIAL DALAM PEMBANGUNAN NEGARA : SUATU PENDEKATAN STRATEGIK

Prof. Madya Dr Hj Yeop Hussin Bidin
UiTM Kampus Dungun, 23000 Dunggun, Terengganu

"Abstrak": Memantapkan Peranan Sains Sosial Dalam Pembangunan Negara : Suatu Pendekatan Strategik

Penekanan nisbah 60:40 bagi penawaran program-program akademik institusi pengajian tinggi (IPT) negara ini diantara bidang sains, teknologi dan sains sosial akan menyaksikan agihan kewangan dan tenaga kerja yang lebih tertumpu kepada sektor industri dan pembuatan dan perkhidmatan berasaskan teknologi maklumat. Wawasan negara maju pada tahun 2020 tidaklah bermakna bahawa bidang-bidang bukan sains dan teknologi akan menjadi kurang penting atau diberikan kurang perhatian. Malah, bidang sains sosial dirasakan mampu membangunkan negara bersama-sama bidang sains/teknologi melalui pengkhususannya yang menyentuh aspek-aspek manusia dan kemasyarakatan. Ini kerana masyarakat diketika itu akan menjadi semakin moden dan 'sophisticated'. Pemodenan masyarakat dan negara ini seharusnya ditunjangi oleh asas-asas kukuh mengenai kemarusiaan dan nilai-nilainya. Justeru bidang sains sosial seperti ekonomi, sejarah, politik dan pengurusan akan memberikan kekuatan kepada masyarakat di dalam membangunkan negara dan kehidupan melalui pengamatan, penilaian dan pengkajian sifat dan sikap manusia itu sendiri. Hakikat bahawa manusia itu mempunyai potensi diri untuk dibentuk dan dimanfaatkan sepenuhnya, maka bidang sains sosial tetap memiliki kelebihan didalam perkembangan ilmu dan ketamadunan. Sumbangan bidang ini ke arah pembangunan negara dapat diyakini dengan melihat kepada sebuah pendekatan yang strategik mengenai usaha-usaha pemantapan peranannya baik didalam pelaksanaan dasar pendidikan dan peningkatan mutu kehidupan masyarakat negara ini. Strategi pemantapan yang dikemukakan ini diharap dapat mengukuhkan peranan dan sumbangan sains sosial bukan sahaja kepada pembangunan negara malah sekiranya disepadukan dengan kepentingan agama akan menjadikannya lebih tegoh dan kukuh membina manusia-manusia yang akan menerajui juga kemajuan sains dan teknologi di masa yang akan datang.

"Kata Kunci" Sains Sosial, Pembangunan Negara, Pendekatan Strategik

PENGENALAN

Dalam usaha mencapai hasrat negara maju menjelang 2020, keperluan kepada tenaga kerja yang mencukupi diperingkat separa professional dan professional dalam bidang Sains dan Teknologi semakin menjadi cabaran kepada seluruh sistem pendidikan negara ini. Nisbah 60% pelajar-pelajar dalam program sains dan teknologi yang telah di perkenalkan oleh Kementerian akan memberikan kesan kepada program-program yang bersifat sains sosial atau kemasyarakatan di kebanyakan institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Apakah mungkin pengurangan pelajar-pelajar di jurusan ini menyumbang pula kepada kadar pengangguran kerana tawaran tempat ke IPT yang terhad?. Namun, laporan terbaru oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengenai skim siswazah menganggur mendapati lebih 75% adalah terdiri daripada graduan dalam lima bidang sains sosial berikut; sastera, ekonomi, perakaunan, pentadbiran perniagaan dan pengajian Islam. Saranan oleh MTEN agar pentadbir-pentadbir universiti memikirkan langkah-langkah penyesuaian kursus dengan keperluan pasaran merupakan tindakan yang lebih bersifat reaktif dan jangka pendek. Majlis ini mungkin beranggapan bahawa kursus-kursus dalam bidang sains kemasyarakatan di atas yang ditawarkan selama ini kurang menepati keperluan dan kehendak pasaran pekerjaan. Hakikat bahawa universiti atau IPT mempunyai peranan yang tertentu di dalam pembangunan negara terutama untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan cemerlang memerlukan pengamatan dan pendekatan yang strategik khusus menyentuh program-program dibidang sains sosial itu sendiri. Adalah menjadi hasrat kertas kerja ini menggariskan tindakan-tindakan yang wajar difikirkan dan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan pentadbiran-pentadbiran universiti dalam usaha memantapkan peranan sains sosial kearah pembangunan negara.

PERANAN SAINS SOSIAL DAN PEMBANGUNAN NEGARA

Sains Sosial adalah suatu bidang ilmu pengetahuan yang menyentuh aspek-aspek kemanusiaan dan kehidupan manusia. Antara lain ia mengkaji perihal sesebuah masyarakat yang merangkumi juga cara dan naluri tindakan anggota masyarakat itu di dalam kehidupan mereka. Miskipun kursus sains sosial merupakan salah satu jurusan di bawah fakulti kemasyarakatan, namun secara umum, bidang atau program perniagaan, ekonomi, politik dan pengurusan juga di takrifkan sebagai cabang-cabang dari disiplin sains sosial sendiri. Lebih tepat lagi jika program-program ini di katakana sebagai program yang berlandaskan unsur-unsur sains sosial di dalam perancangan dan struktur kurikulumnya.

Nisbah 60:40% program akademik IPT di Malaysia menyaksikan agihan sumber kewangan dan guna tenaga yang lebih tertumpu kepada sektor industri dan pembuatan dan perkhidmatan berasaskan teknologi maklumat. Wawasan negara maju pada tahun 2020 tidaklah bermakna bahawa bidang bukan sains dan teknologi akan menjadi kurang penting atau di berikan kurang perhatian. Malah sifat dan sumbangan program sains sosial yang menyentuh aspek-aspek manusia dan kemasyarakatan dirasakan mampu membangunkan negara bersama bidang-bidang pendidikan yang lain. Ini kerana masyarakat yang menuju kepada kemajuan bererti juga kehidupan mereka itu semakin moden dan 'sophisticated'. Perubahan dan pemodenan cara hidup di ketika itu seharusnya di tunjangi juga oleh asas-asas kukuh mengenai kemanusiaan dan nilai-nilainya. Justeru bidang sains sosial seperti ekonomi, sejarah, antropologi, perakaunan dan perundangan dan sebagainya masih 'relevan' dan dapat memberikan kekuatan kepada masyarakat untuk membangunkan insan dan negara ini.

Namun begitu, apabila MTEN mengeluarkan laporan mengenai pengangguran di kalangan siswazah ia adalah sesuatu yang menggambarkan kekusutan di dalam hala tuju pembangunan dan sistem pendidikan negara ini. Di satu pihak berusaha melahirkan para lulusan yang berterampil dengan ilmu pengetahuan yang seadanya untuk memasuki dunia pekerjaan dan memulakan kerjaya masing-masing, manakala terdapat pula pihak yang ingin melihat IPT berperanan sebagai sebuah unit usahaniaga yang strategik (Strategic Business Unit) dengan mengambilkira keperluan pasaran bagi setiap kursus/program akademik yang hendak diperkenalkan.

Dalam memperkatakan perancangan pendidikan di Asia, Singh (1990) mendapati hubung kait di antara pendidikan dan keperluan ekonomi, sosial dan budaya masyarakat setempat. Antara lain, perancangan pendidikan menekankan kesepaduan dalam membangunkan masyarakat dan meningkatkan mutu kehidupan mereka melalui gandingan pendidikan dan aspek-aspek sosial yang lain khususnya pembangunan ekonomi. Orlosky dan lain-lain (1984) pula menekankan kepentingan kerjasama diantara keperluan kerajaan pusat dan hak-hak dan peraturan pendidikan yang dibawah tadbiran kerajaan negeri. Mereka berpendapat bahawa perancangan pendidikan harus menjurus kepada kesepaduan matlamat dan misi di antara kedua pihak berkuasa ini. Robiah (1989) mendapati bahawa asas-asas pentadbiran pendidikan di negara ini banyak dipengaruhi oleh suasana sebelum dan selepas Merdeka dengan terbentuknya satu sistem pendidikan kebangsaan yang telah menyatukan beberapa sistem persekolahan yang wujud di zaman penjajahan British.

Secara umumnya, sistem pendidikan negara yang menawarkan juga program sains sosial di universiti-universiti tempatan telah menyumbang kepada pembangunan negara melalui graduan-graduan bidang ini yang menerajui dan mengetuai agensi-agensi kerajaan mau pun swasta didalam kapasiti mereka sebagai pengurus, pegawai akaun, penasihat agama dan undang-undang dan sumbangan mereka didalam perkhidmatan perguruan. Oleh yang demikian, masalah keutamaan (priority) yang sedang di alami kementerian-kementerian tertentu itu tidak seharusnya menjejaskan dasar dan falsafah sesebuah IPT. Persoalan untuk memenuhi keperluan di pasaran itu masih boleh di atasi melalui langkah-langkah yang bersifat sementara, namun untuk jangka panjang dan wawasan jauh pentadbiran universiti ia memerlukan suatu analisis mendalam agar program-program akademik yang menjadi intipati institusi ini masih dianggap 'prerogative' dan keistimewaan tersendiri mereka. Bahagian ketiga kertas kerja ini akan membincangkan strategi pemantapan peranan sains sosial kearah meningkatkan usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara.

STRATEGI PEMANTAPAN PERANAN SAINS SOSIAL

Strategi boleh di takrifkan sebagai satu bentuk tindakan yang tersusun dan teliti. Ia mengariskan panduan umum untuk melaksanakan sesuatu perancangan. Strategi kerap dikaitkan dengan tempoh masa yang agak panjang, sekurang-kurangnya lima tahun bagi menilai keberkesanan program dan bentuk-bentuk tindakan yang telah di syorkan. Unsur-unsur utama didalam menentukan strategi adalah memahami keadaan semasa yang di hadapi organisasi atau institusi itu serta hala tuju yang hendak di capai mereka bagi mengatasi perubahan yang berlaku sekarang. Jelas strategi memerlukan pandangan jauh ke hadapan agar dapat mencorakkan bentuk dan kaedah pelaksanaannya. Antara lain, pendekatan strategik menekankan sebuah mekanisma yang dapat menjangka perubahan yang akan berlaku berdasarkan pengamatan yang mendalam dan rapi. Pendekatan yang di ambil ini adalah nyata bersifat proaktif dan bukan sekadar memerhati dan bertindak balas terhadap perubahan-perubahan berkenaan.

Usaha-usaha memantapkan peranan sains sosial boleh di bahagikan kepada dua sudut iaitu strategi yang melibatkan fakulti-fakulti sastera, kemanusiaan, ekonomi dan lain-lain. Kedua, strategi yang harus dimainkan oleh Kementerian Pendidikan dan lain-lain agensi atau kementerian yang berkait rapat dengan para-para lulusan dari jurusan ini. Berikut adalah langkah-langkah yang dapat di ambil untuk memantapkan dan mengukuhkan program-program sains sosial dalam pembangunan negara.

A. Fakulti-Fakulti Dalam Jurusan Sains Sosial

1. Menghadkan tawaran program akademik jurusan ini khususnya bidang sastera, sejarah, antropologi, pengajian Islam, sains kemasyarakatan dan sebagainya kepada universiti-universiti tertentu seperti UM, UKM dan USM. Selain berupaya mengurangkan pengambilan-pengambilan pelajar, universiti berkenaan dapat mengekalkan mutu graduan mereka kerana kedudukan yang istimewa di dalam sistem pendidikan tinggi negara.
2. Program-program sains sosial yang diperkenalkan oleh institusi-institusi pendidikan tinggi yang berlandaskan teknologi harus memastikan kesepaduan dengan jurusan lain seperti kemahiran bahasa, perbandingan budaya dan agama atau asas-asas keusahawanan. Langkah ini membolehkan para lulusan memiliki kelebihan dalam kemahiran tertentu agar berkebolehan memainkan peranan dan tanggungjawab yang dikehendaki majikan atau pekerjaan.
3. Meluaskan skop pengajian program-program sains sosial di peringkat pasca siswazah. Pengalaman dan kematangan di peringkat ini berupaya melahirkan cendekiawan serta graduan yang sentiasa peka kepada perubahan di dalam masyarakat dan aspek-aspek kehidupan melalui penyelidikan dan kajian-kajian khusus. Selain memberikan peluang pendidikan yang lebih tinggi, mutu lulusan dalam jurusan ini akan dapat dikekalkan kerana pengambilan calon-calon ini akan mengambilkira sumbangan fakulti-fakulti ke arah perkembangan pendidikan dan seterusnya pembangunan negara.
4. Penawaran kursus-kursus bidang sains sosial sebagai elektif didalam program sains dan teknologi. Pendekatan ini berupaya memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar jurusan berkenaan untuk mengerti nilai-nilai yang membentuk peribadi dan keluhuran sesebuah masyarakat. Justeru, program sains sosial yang di pilih sebagai keperluan kursus elektif dapat mengukuhkan peranan bidang ini dalam sistem pendidikan negara. Sebagaimana pengaruh teknologi terhadap program sains sosial, maka jurusan ini perlu juga mendapat perhatian pentadbir akademik di fakulti sains dan teknologi.
5. Menitikberatkan latihan praktik dan amali. Penempatan pelajar-pelajar dari program sains sosial di agensi awam dan swasta harus di pergiatkan. Penimbaan ilmu dan khazanah pengalaman bekerja amat penting kepada kerjaya siswazah itu sendiri. Selain daripada itu, kertas-kertas projek hasil dari kajian dan latihan amali adalah input berguna kepada perancangan fakulti-fakulti terhadap perkembangan pendidikan sains sosial di masa hadapan.

B. Kerjasama Di Antara Kementerian-Kementerian

1. Kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Projek-projek desa seperti Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) harus menjadi tumpuan utama kertas-kertas tugas dan penyelidikan. Memahami secara langsung pelaksanaan dan kejayaan projek-projek ini dapat memanfaatkan pengalaman dan ilmu pengetahuan pelajar-pelajar jurusan sains sosial terhadap nilai-nilai masyarakat yang terkandung di dalamnya. Maklumat dari syarahan dan kuliah dapat dijadikan asas perbandingan keberkesanan projek-projek yang dilaksanakan itu.
2. Kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Pertanian. Penerapan budaya niaga memerlukan persediaan dan prasarana yang di kawalselia dengan bersungguh-sungguh. Penubuhan yayasan seperti usahawan siswazah boleh menarik minat lulusan jurusan sains sosial untuk berkecimpung dibidang perniagaan. Projek yang dikendalikan Kementerian Pertanian seperti satu produk satu kawasan membuka peluang luas para lulusan bidang perniagaan dan perakaunan untuk terlibat secara aktif dan berterusan. Suatu kaedah untuk menyerapkan pelajar-pelajar jurusan ini ke dalam pengendalian projek-projek tersebut adalah di perlukan. Rata-rata program ini melibatkan golongan petani yang menjadi anggota sesebuah masyarakat desa. Kajian kes di peringkat pasca siswazah juga dirasakan amat berfaedah untuk pendedahan calon-calon bagi penyediaan tesis masing-masing.
3. Kerjasama dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan. Memandangkan sebahagian besar NGO's yang ada di negara ini menumpukan kepada isu-isu yang menyentuh kepentingan bersama masyarakat seperti keadilan, hak dan kebebasan media dan pendapat, Kementerian Pendidikan adalah berperanan untuk memberikan sumbangan kepada perkara-perkara ini melalui platform perbincangan atau dialog ilmiah. Pelajar jurusan undang-undang dapat memanfaatkan usaha ini dengan mendampingi tokoh-tokoh masyarakat melalui jemputan seminar dan kolokium. Pengkajian mengenai masalah sosial dapat memberikan pendedahan secukupnya kepada pelajar-pelajar jurusan sains sosial khususnya bidang sejarah dan antropologi untuk bergiat aktif sebagai sukarelawan di dalam aktiviti anjuran NGO's berkenaan.

RUMUSAN

Program sains sosial telah lama menyumbang kepada perkembangan pendidikan di negara ini. Penubuhan universiti-universiti yang terawal di negara ini juga melibatkan fakulti-fakulti dari bidang sains sosial. Hakikat bahawa perubahan yang berlaku sehingga kini di dalam sistem pendidikan dan dasar pembangunan negara tidak seharusnya mengurangkan peranan yang dapat dimainkan oleh program-program dari jurusan ini. Perubahan-perubahan yang memberi kesan kepada negara ini khususnya di dalam penawaran dan permintaan tenaga kerja bukanlah menjadi alasan untuk menjuruskan program-program tertentu sains sosial kepada keperluan semasa yang berbentuk 'market - oriented'. Untuk menghadapi keadaan yang berlaku dan seterusnya merencana perkembangan di masa hadapan, mekanisma pemantapan peranan sains sosial secara strategik harus di jadikan landasan oleh pentadbiran universiti-universiti untuk merancang struktur dan kurikulum pendidikan dalam bidang ini.

RUJUKAN

- Aidit Ghazali. 1993. Industrialisation From An Islamic Perspective. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding.
- Hassan Langgulung. 1991. Asas-Asas Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hunt, Elgin F and Colander, David C. 1990. Social Science: An Introduction To The Study Of Society. New York: Mac Millan
- Huszczko, Gregory E. 1996. Tools For Team Excellence. California: Davies – Black Publishing,

Jain, Subhosh C. 1993. Marketing Planning And Strategy. Cincinnati, Ohio: South-western Publishing Co.

New Strait Times. 'Tailor Courses To Market Needs', NEAC: Institutions must ensure graduates are employable, 14 March 2002.

New Strait Times, UKM To Restructure Its Courses, Says Anuwar. 28 March 2002.

Orlosky, Donald E at el. 1984. Educational Administration Today. Columbus, Ohio: Charles E Merrill Publishing Company.

Robiah Saidin, 1989. Asas-Asas Pentadbiran Pendidikan. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn Bhd.

Singh, Raja Roy. 1990. Educational Planning in Asia. UNESCO: International Institute of Educational Planning.

Quede, E.S. 1982. Analysis To Public Decisions. New York: North-Holland.